

# BN yakin menangi pilihanraya Seremban

SEREMBAN, Jumaat — Barisan Nasional yakin akan memenangi pilihanraya kecil Parlimen Seremban yang diadakan esok.

Menteri Besar, Datuk Mohd Isa Haji Abdul Samad, berkata demikian selepas mempenge-  
rusikan mesyuarat jawatankuasa terakhir antara parti-parti komponen BN di sini, petang ini.

Bagaimanapun, Datuk Mohd Isa yang juga Pengerusi Jentera Pilihanraya Parlimen Seremban enggan mengulas majoriti yang akan diperolehi oleh calon BN, Puan Rosie Teh Lee Beng.

Katanya, berdasarkan catatan dan maklumat yang diterima, para pengundi diduga akan memberi mandat sekali lagi kepada BN.

Menurut beliau, DAP tidak ada isu yang boleh meyakinkan pengundi-pengundi dalam kempenya.

Menyentuh kemungkinan faktor cuaca yang akan menentukan keputusan pilihanraya ini, Datuk Mohd Isa menjelaskan, "Ia tidak mengganggu sama sekali."

Tambahnya, dari 300 ceramah yang dijalankan sebelum ini, jentera pilihanraya mendapati penerimaan pengundi atas dasar-dasar kerajaan amat menggalakkan.

Datuk Mohd Isa sendiri berkempen di 45 tempat, dan yang terakhir di Kepayang, Jalan Labu, malam tadi.

Bagi memudahkan pengundi untuk membuang undi esok, BN menyediakan 500 buah kenderaan untuk tujuan itu.

Ketika dipinta memberi pandangan mengenai pilihanraya ini, Datuk Mohd Isa menjelaskan, kerajaan akan tetap melaksanakan apa yang dijanjikan seandainya wakil rakyat itu adalah wakil Barisan.

"DAP tidak akan boleh membawa apa-apa pembangunan sekiranya menang," jelasnya.

Sementara itu, bekas Presiden MCA, Datuk Lee San Choon, mungkin mengambil tindakan mahkamah ke atas DAP kerana memburuk-bu-

rukkan nama baiknya dalam kempen-kempen mereka sejak 3 November lalu.

Sumber-sumber MCA memberitahu, persiapan ke arah itu sedang dibuat termasuk mengumpulkan gambar-gambar sepanduk dan kartun yang digunakan oleh parti pembangkang itu.

Bagi memancing undi, DAP melalui sepanduk-sepanduknya mengatakan perletakan jawatan Datuk Lee ada kaitannya dengan skandal BMF.

## Pengundi2 digesa keluar lebih awal

KUALA LUMPUR, Jumaat — Pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya, Tan Sri Abdul Kadir Talib, hari ini menggesa pengundi-pengundi di kawasan pilihanraya Parlimen Seremban keluar mengundi awal-awal lagi bagi mengelakkan kesesakan di sebelah petang.

Mereka juga diingatkan membawa bersama kad pengenalan masing-masing.

Masa mengundi ialah dari jam 8 pagi hingga 6 petang.

Terdapat 60,899 pengundi di kawasan itu dan 92 tempat mengundi disediakan.

Tan Sri Kadir menambah, mereka yang ada namanya di dalam buku pendaftaran adalah berhak mengundi.

"Tidak seorang pun yang boleh mempertikaikan hak mereka," katanya.

Tan Sri Kadir menyaksikan persembaan akhir yang dibuat oleh Suruhanjaya Pilihanraya di tempat-tempat mengundi di Seremban semalam dan berbincang dengan pegawai-pegawainya. — Bernama.